

19 SEP 1997

Jerebu-Lumpuh

DARURAT HAMPIR LUMPUHKAN KEGIATAN DI SARAWAK

KUCHING, 19 Sept (Bernama) -- Kegiatan harian di banyak kawasan di Sarawak hampir "lumpuh" tengah hari ini selepas kerajaan mengisytiharkan darurat kerana negeri itu semakin teruk dilanda jerebu.

Kecuali beberapa tempat tertentu, pejabat-pejabat kerajaan dan swasta ditutup manakala ramai penduduk tidak keluar rumah kerana bimbang kesihatan.

Semua sekolah dan tadika pula diarahkan ditutup setelah paras ukuran jerebu menunjukkan Sarawak di tahap berbahaya.

Tinjauan rambang oleh BERNAMA mendapati pekedai dan pengusaha restoran memendekkan waktu perniagaan mereka kepada setengah hari kerana keadaan berjerebu.

Bagi mereka yang terpaksa meneruskan kerja di luar dan berdepan dengan ancaman jerebu, satu-satunya cara untuk melindungi diri daripada menghidu udara tidak sihat itu ialah dengan memakai topeng perlindungan udara.

Keadaan itu seolah-olah mereka baru mendarat di sebuah planet lain.

Ramai yang tidak menduga perubahan pantas keadaan di negeri ini sejak 24 jam lepas dan mengharapkan keadaan akan kembali normal secepat mungkin.

Walaupun jerebu wujud sejak beberapa bulan lepas dan pada satu ketika mencapai tahap kritikal dengan Indeks Pencemaran Udara, mencatatkan 241, ia tidak banyak menjejaskan kehidupan harian penduduk Sarawak.

Bagaimanapun setelah indeks itu mencatatkan paras 625 pagi tadi, yang jauh melepasi tahap bahaya 301-500, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengisytiharkan keadaan darurat di negeri itu.

Dengan jarak penglihatan darat hanya 200 meter atau kurang, suasana agak berbeza kerana hampir semuanya adalah dalam keadaan kelam.

Kawasan Petra Jaya di seberang Sungai Sarawak tidak kelihatan dari sini.

"Ini agak janggal...ia seperti kita berjalan dalam mimpi," kata Razak Jahari, seorang kakitangan awam yang pulang ke rumahnya berikutan pengumuman kerajaan mengenai penutupan pejabat kerajaan.

Pengendali bot tambang, Tambi Jubong, 60, pula berkata keadaan sebegini hanya berlaku semasa kabus tebal waktu pagi pada masa tertentu dan bukannya sepanjang hari.

Beratus-ratus penumpang juga tersadai akibat pembatalan penerbangan setelah semua lapangan terbang di negeri ini ditutup buat sementara.

Dengan keadaan kini nampaknya di luar kawalan, satu-satunya harapan orang ramai ialah hujan dalam masa terdekat ini.-- BERNAMA

TM NAK MAI